

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN PRABAKARAN
A/L M PARAMESWARAN [BATU]**

TARIKH : 5 NOVEMBER 2019 [SELASA]

SOALAN

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bagaimanakah Kementerian ingin menyediakan prasarana untuk belia agar kumpulan sasaran ini mampu membeli rumah kerana saban hari harga rumah semakin meningkat, jurang kemampuan semakin hari semakin meninggi dan apakah solusinya. Adakah Kementerian boleh mensyaratkan 5% ke 10% daripada jumlah perumahan baru adalah dibina untuk belia dan kawalan harga akan berlaku pada unit-unit rumah tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Dasar Perumahan Negara (DRN) 2018 - 2025 serta Dasar Rumah Mampu Milik (DRMM) dirangka untuk memastikan semua golongan masyarakat termasuk golongan belia dapat mendiami sebuah kediaman yang selesa dan berkualiti mengikut kemampuan mereka. Pada masa ini, penetapan had umur permohonan program perumahan dan pembiayaan adalah pada umur 18 tahun dan ke atas.

2. Cadangan penetapan kuota khas untuk golongan belia merupakan satu cadangan yang perlu diteliti dan dikaji dengan lebih terperinci. DRN (2018 – 2025) dan DRMM menetapkan golongan sasaran berdasarkan pendapatan termasuk had umur untuk memperoleh pembiayaan. Maka, secara tidak langsung inisiatif perumahan kepada golongan belia turut diambil perhatian. Pada masa ini, terdapat program perumahan yang disediakan khusus untuk golongan belia iaitu Rumah Transit Belia di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Skim Perumahan Belia di bawah Bank Simpanan Nasional (BSN).

3. Untuk makluman Yang Berhormat juga, dari sudut kawalan harga rumah di bawah DRMM, Kerajaan telah mengambil pendekatan melalui kaedah median *multiple* bagi menentukan harga rumah mampu milik. Harga rumah yang mampu dimiliki adalah tiga kali ganda pendapatan median isi rumah mengikut lokasi/negeri dan secara umumnya kerajaan telah menetapkan rumah yang berharga RM300,000.00 dan ke bawah adalah kadar harga Rumah Mampu Milik di Malaysia.

Sekian, terima kasih.